

11 MAR 1997

Kelantan-Pelabuhan

PELABUHAN LAUT DALAM DIBINA DI TUMPAT

KOTA BAHARU, 11 Mac (Bernama) -- Kelantan akan mempunyai sebuah pelabuhan laut dalam apabila projek pembinaan pelabuhan bernilai RM200 juta itu disiapkan di Tumpat dalam tempoh dua tahun lagi.

Perjanjian bagi pembinaan projek yang dikendalikan secara penswastaan itu ditandatangani di sini hari ini antara Hongkew Holdings (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat berpejabat di Kuala Lumpur dan kerajaan negeri Kelantan.

Kerajaan negeri diwakili oleh Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Timbalannya Abdul Halim Abdul Rahman manakala Hongkew diwakili oleh Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman dan Pengarahnya Eng Poh Hong.

Ketika ditemui selepas majlis itu, Abdul Aziz berkata pelabuhan bertaraf antarabangsa itu mampu menjadi pusat persinggahan utama bagi kapal-kapal dari negara jiran seperti Kemboja, Vietnam, Thailand selain kegunaan dalam negara.

Hongkew, sebuah syarikat dengan modal berbayar sebanyak RM19 juta, mempunyai pelaburan sebanyak RM800 juta dalam pelbagai kepentingan di negara ini termasuk pembinaan sebuah kilang simen di Gua Musang.

Abdul Aziz berkata pelabuhan itu mampu menampung enam buah kapal seberat 20,000 tan metrik serentak.

Beliau berkata bagi projek itu syarikat itu akan menebus guna kawasan laut bagi menampung tapak pelabuhan seluas 88 hektar itu.

"Pembinaan pelabuhan ini adalah sebahagian daripada projek bersepadu membabitkan kawasan seluas 260 hektar yang akan dilengkapi kawasan perindustrian dan perumahan," katanya.

Sementara itu, Nik Aziz pula berkata pembinaan pelabuhan Tumpat itu bakal mempercepatkan proses pembangunan di Kelantan setelah pelbagai kemudahan lain seperti lapangan terbang telah dimiliki.

"Setiap kali saya bertemu Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) saya akan minta dibina sebuah pelabuhan di Kelantan dan hari ini impian kerajaan Kelantan itu dimakbulkan," katanya. -- BERNAMA

RAR NMO